



**UCAPAN PERASMIAN  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**PROGRAM SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA (SATU)**

**20 FEBRUARI 2016 (SABTU)**

**DEWAN SUARAH LIMBANG, SARAWAK**

## **[SALUTASI]**

Hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat berhimpun di Dewan Suarah ini bagi bersama-sama meraikan dan menjayakan Program Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU) di peringkat Bahagian Limbang, Sarawak.
2. Terlebih dahulu, saya mewakili pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada dan tuan –tuan dan puan –puan penduduk di Bahagian Limbang kerana turut bersama-sama dengan kita semua pada hari ini. Tidak dilupakan agensi-agensi Kerajaan dan rakan strategik Kementerian kerana sentiasa menyokong usaha serta program-program yang dilaksanakan oleh KPWKM sejak mula Kementerian ditubuhkan sehingga ke hari ini.

## **PROGRAM SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA (SATU)**

Hadirin yang dihormati,

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merangka pelbagai aktiviti dan program dalam usaha mendampingi kumpulan sasar di peringkat akar umbi. Salah satu program yang diadakan ialah Program Suara Anda Tanggungjawab Utama atau lebih dikenali sebagai Program SATU.
4. Program SATU merupakan program yang dirangka khas sebagai platform untuk saya dan juga warga KPWKM bertemu dan bersama-sama dengan kumpulan sasar. Program ini merupakan salah satu kaedah penyampaian perkhidmatan awam Kementerian secara terus kepada golongan sasar Kementerian susulan menerima pelbagai maklum balas dan aduan yang diutarakan oleh masyarakat yang masih kurang jelas tentang peranan, fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM.
5. Sejak Program SATU diperkenalkan pada tahun 2014, kami sentiasa menerima maklum balas positif daripada rakyat dan telah diperluaskan ke kawasan lain seperti Miri, Kelantan, Kedah dan Pahang. Pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menikmati pelbagai servis dan perkhidmatan seperti pemeriksaan kesihatan percuma daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), kaunter pertanyaan mengenai bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), pendaftaran kad OKU, urutan MamaCare, kaunter pendaftaran PERWANI, kaunter

pertanyaan 1AZAM serta pendaftaran sukarelawan kebajikan dan Jiwa 1Malaysia.

6. Saya difahamkan pada tahun ini, pelaksanaan SATU digiatkan lagi dengan memfokuskan kepada konsep pembangunan komuniti setempat dan pemerksaan pembangunan usahawan sosial seiring dengan misi Kementerian. Program turut dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan lain yang berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Pilihanraya, Jabatan Kastam Malaysia dan sebagainya.
7. Oleh yang demikian, tuan-tuan dan puan-puan jangan lepaskan peluang pada hari ini untuk berjumpa, bertanya dan mendapatkan informasi daripada pegawai-pegawai kami mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian.

## **PROGRAM 1AZAM**

Hadirin sekalian,

8. Sejak tahun 2010, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat telah menjadi peneraju bagi Bidang Keberhasilan Utama Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH). Antara salah satu program yang dijalankan di bawah inisiatif ini ialah Program Akhiri Zaman Miskin atau lebih dikenali dengan Program 1AZAM.

9. Program 1AZAM merupakan program peningkatan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah dengan menjalankan aktiviti keusahawanan seperti perniagaan kuih-muih, jahitan dan perkhidmatan gunting rambut.
10. Sukacita dimaklumkan bahawa hari ini saya akan menyerahkan pakej bantuan peralatan perniagaan bagi Program 1AZAM kepada **13 orang peserta Program 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) di Bahagian Limbang.**
11. Penyerahan pakej bantuan peralatan perniagaan menunjukkan komitmen kerajaan di bawah inisiatif Kebajikan Produktif dalam usaha menggalakkan golongan isi rumah berpendapatan rendah untuk berdikari tanpa selamanya mengharapkan bantuan kewangan daripada kerajaan.

Hadirin yang dihormati,

12. Satu lagi perkembangan yang amat membanggakan saya dan juga Kementerian ialah seramai **190,799** orang peserta telah menyertai Program 1AZAM di seluruh negara bagi tempoh **Januari 2011 hingga Disember 2015. Daripada jumlah tersebut seramai 62.5% atau 119,302 terdiri daripada usahawan wanita manakala bakinya 71,497 atau 37.5% terdiri daripada usahawan lelaki.** Syabas saya ucapkan kepada para wanita yang sentiasa berusaha memperkukuhkan ekonomi keluarga!

13. Saya turut dimaklumkan bahawa negeri Sarawak mencatatkan peserta tertinggi menyertai Program 1AZAM. Kejayaan ini merupakan hasil kerjasama berterusan antara pihak kami dengan Kementerian Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak.

## **PENDAFTARAN OKU**

14. Sukacita dimaklumkan bahawa pada hari ini juga saya akan menyerahkan kad Orang Kurang Upaya (OKU) sementara kepada **10** orang klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merupakan agensi yang bertanggungjawab ke atas pendaftaran OKU. Saya amat mengalakkan pendaftaran OKU kerana pendaftaran akan membantu Jabatan mengetahui bilangan OKU sebenar mengikut jenis ketidakupayaan dan taburan OKU di negara ini.
15. Selain itu, OKU yang berdaftar dan memiliki Kad OKU berpeluang menikmati pelbagai keistimewaan dan kemudahan yang disediakan oleh pelbagai pihak seperti bantuan kewangan, pelepasan cukai pendapatan, pengecualian bayaran dokumen perjalanan, pengecualian cukai jalan bagi kenderaan nasional, pengecualian duti eksais bagi pembelian kereta nasional, pengecualian bayaran perubatan, pengecualian sewa bulanan telefon dan konsesi tambang pengangkutan awam. Sehingga hari ini, terdapat seramai kira-kira 566 ribu OKU telah berdaftar di seluruh negara.

## **BANTUAN JKM**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

16. Setiap tahun, kerajaan tidak lupa tentang kebajikan kumpulan sasaran. Melalui pengumuman bajet tahun 2015, sejumlah **RM1.5 billion** telah diperuntukkan kepada JKM bagi sebanyak **487 ribu kes**. Peruntukan tersebut meliputi **RM248 juta** untuk Bantuan Am, **RM259 juta** untuk Bantuan Kanak-kanak, **RM305 juta** untuk Elaun Pekerja Cacat dan **RM95.9 juta** Bantuan OKU Terlantar.
17. Saya juga dimaklumkan bahawa negeri Sarawak menerima peruntukan sebanyak **RM173 juta** di mana **RM14 juta** adalah untuk kebajikan penduduk di Bahagian Limbang. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam mendalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

18. Akhir kata, saya bagi pihak KPWKM berharap bantuan yang diberikan pada hari ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh peserta sekali gus membantu mereka meningkatkan pendapatan seisi keluarga.
19. Sebelum mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada penduduk di Bahagian Limbang yang sudi hadir bagi memeriahkan program SATU pada hari ini. Semoga sokongan dan

komitmen hadirin sekalian dalam memastikan usaha-usaha membantu kumpulan sasaran akan diberkati. Kepada hadirin sekalian, jangan lepaskan peluang untuk berkunjung di tapak pameran yang terdapat pada hari ini untuk memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPWKM dan agensi di bawahnya.

20. Dengan lafaz Bismillah Hir Rahman Nir Rahim saya dengan ini merasmikan **Program SATU di Bahagian Limbang, Sarawak.**

Sekian, terima kasih

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.